



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami dalam media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan. Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia untuk berkongsi pendapat anda dengan kami dari semasa ke semasa.

09.12.2022

❖ Mesyuarat hibrid – gabungan terbaik dari dua dunia

Kerana keperluan manusia, maka lahirlah reka cipta. Pandemik Covid-19 telah memacu penggunaan teknologi dan penerimaan terhadap mesyuarat maya.

Seperti yang kita maklum, Rnhill Utilities Berhad adalah antara syarikat awam tersenarai (*public limited companies*, PLC) terawal, jika bukan yang pertama di Bursa Malaysia, yang mengadakan mesyuarat agung tahunan (*annual general meeting*, AGM) secara maya selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada Mac 2020. Dalam satu pernyataan, presiden dan ketua eksekutif Kumpulan, Tan Sri Hamdan Mohamad berkata mesyuarat maya itu menarik lebih ramai pemegang saham pada tahun itu berbanding dua tahun sebelumnya.

Dalam tempoh sepuluh bulan sejak awal tahun ini, wakil MSWG telah menghadiri sejumlah 292 AGM. Lebih sedikit daripada tiga perempat (76.0%) daripada AGM ini dijalankan secara maya manakala hampir satu perempat (23.3%) daripada AGM ini, terutamanya PLC yang lebih kecil dijalankan secara konvensional iaitu dengan kehadiran fizikal pemegang saham. Ketika kita melangkah ke fasa endemik pandemik Covid-19, terdapat PLC yang memilih untuk mengadakan mesyuarat agung secara hibrid. Bagaimanapun, terdapat hanya segelintir PLC (0.7%) yang mengadakan AGM secara hibrid dalam tempoh ini.

Ada banyak kelebihan dalam AGM fizikal yang tidak boleh direplikasi dalam AGM secara maya. Bagi kebanyakan pemegang saham minoriti, acara tahunan itu mungkin satu-satunya acara yang mana mereka boleh berinteraksi dengan Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan sebelum dan selepas AGM dan sewaktu pengiraan undi. Ia juga membuka peluang untuk menjalinkan kemesraan dalam kalangan pemegang saham.

Mesyuarat fizikal menyediakan penglibatan yang lebih baik kerana ia memudahkan perbualan dua hala semasa sesi soal Jawab. Pemegang saham boleh mengemukakan soalan susulan tanpa bersusah payah, apabila lembaga pengarah tidak menjawab soalan dengan sewajarnya atau apabila jawapan tersebut memerlukan penjelasan lanjut. Selain itu, mereka yang kurang arif tentang

perkembangan teknologi untuk menggunakan platform mesyuarat dalam talian boleh memilih untuk menghadiri AGM secara fizikal.

Sebaliknya, AGM yang diadakan secara maya amat mudah diakses oleh kebanyakan pemegang saham, termasuk mereka yang menetap di luar negara. Ia membolehkan mereka menghadiri mesyuarat dengan selesa dari lokasi masing-masing, justeru menjimatkan masa, tenaga dan kos perjalanan.

Format mesyuarat dalam talian juga membolehkan para pemegang saham menghadiri AGM yang diadakan secara berturut-turut yang mana ini mustahil bagi AGM yang diadakan secara fizikal sekiranya diadakan di lokasi yang berbeza dan berjauhan antara satu sama lain. Oleh itu, syarikat yang memberikan akses kepada penyertaan secara jarak jauh dalam AGM maya akan menjadikannya lebih menarik kepada pelabur luar negara.

Sementara itu, AGM hibrid menggabungkan elemen terbaik dari kedua-dua dunia iaitu dengan menggabungkan kelebihan mesyuarat fizikal dan maya. Setakat ini, MSWG telah menghadiri tiga AGM hibrid, iaitu AGM Pertama Digital Berhad, IOI Corporation Berhad dan yang terkini, icapital.biz Berhad.

Dalam salah satu mesyuarat hibrid ini, kami dimaklumkan bahawa kira-kira satu pertiga daripada peserta menyertai mesyuarat secara fizikal dan baki dua pertiga menyertai AGM secara jarak jauh.

Berdasarkan pemerhatian kami, prosiding AGM secara hibrid adalah serupa dengan AGM fizikal dan maya kecuali Lembaga Pengarah perlu menangani soalan yang dibangkitkan oleh pemegang saham di lokasi fizikal dan juga dalam talian. Bagi memastikan sesi Soal Jawab dijalankan dengan teratur, Lembaga Pengarah menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh pemegang saham pada mesyuarat fizikal sebelum meneruskan kepada soalan dalam talian.

Kami ingin menarik perhatian kepada IOI Corporation Berhad, salah satu syarikat perladangan terbesar di Bursa Malaysia, yang menjalankan AGM baru-baru ini dalam mod hibrid. Ia suatu usaha yang patut dicontohi. Tambahan pula, bagi menggalakkan ketelusan yang lebih tinggi, syarikat menyediakan siaran web AGMnya di laman sesawang syarikat.

Dengan pertumbuhan pesat mesyuarat dan seminar dalam talian yang melibatkan kumpulan yang besar, kos untuk menggabungkan elemen maya ke dalam AGM hibrid kini lebih berpatutan dan tidaklah begitu ketara kepada PLC yang besar.

Oleh yang demikian, kami berharap untuk melihat lebih banyak PLC, terutamanya syarikat besar, memilih AGM hibrid sebagai format mesyuarat mereka untuk jangka panjang. Ia membuka peluang kepada lebih ramai pemegang saham untuk menghadiri dan mengambil bahagian dalam AGM serta menawarkan fleksibiliti kepada pemegang saham untuk menghadiri AGM mengikut keselesaan mereka.

Mengadakan AGM secara hibrid bermakna menambahkan usaha bagi menggalakkan penyertaan dan aktivisme pemegang saham.

Ooi Beng Hooi
Pengurus, Pemantauan Korporat

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 12 hingga 16 Disember 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
12.12.22 (Isnin) 08.30 pagi	Borneo Oil Berhad (AGM)	<p>Borneo Oil merekodkan pendapatan dan keuntungan bersih yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2022, masing-masing berjumlah RM87.49 juta (tahun kewangan 2021: RM51.4 juta) dan RM54.1 juta (tahun kewangan 2021: RM28.48 juta). Ini terutamanya disumbangkan oleh keuntungan nilai saksama ke atas pelaburan dalam saham disebut harga sebanyak RM53.04 juta (tahun kewangan 2021: RM26.4 juta)</p> <p>Operasi Makanan dan Francais (<i>Food and Franchise Operations, FFO</i>) serta Pengurusan dan Pelaburan Hartanah (<i>Property Investment and Management, PIM</i>) kembali mencatatkan keuntungan dengan untung sebelum cukai berjumlah RM1.65 juta dan RM0.92 juta. Bahagian FFO dan PIM masing-masing mencatatkan pendapatan sebanyak RM47.62 juta dan RM22.09 juta.</p>
12.12.22 (Isnin) 02.30 petang	KPJ Healthcare Berhad (EGM)	<p>KPJ Healthcare berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan penjualan dan pajakan balik dengan Amanah Pelaburan Hartanah (<i>Real Estate Investment Trust, REIT</i>) Al-Aqar Healthcare bagi tanah dan bangunan Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang, bangunan Pusat Kesihatan TMC dan bangunan baharu yang membentuk sebahagian daripada premis Hospital Pakar KPJ Seremban.</p> <p>Urus niaga ini akan dilunaskan dengan wang tunai berjumlah RM167 juta dan 20.5 juta unit baharu</p>

		REIT Al-Aqar Healthcare bernilai RM25 juta.
13.12.22 (Selasa) 10.00 pagi	Berjaya Land Berhad (AGM)	<p>Pendapatan BJLand meningkat 11.6% tahun ke tahun kepada RM6.04 bilion (tahun kewangan 2021: RM5.41 bilion), disumbangkan oleh peningkatan purata kadar penghunian dan kadar bilik secara keseluruhan yang dilaporkan oleh segmen perniagaan hotel dan resort selaras dengan pembukaan semula industri pelancongan dengan penyambungan semula perjalanan domestik dan antarabangsa.</p> <p>Namun begitu, kerugian sebelum cukainya meningkat kepada RM100.3 juta berbanding RM42.23 juta pada tahun kewangan 2021, terutamanya disebabkan oleh peruntukan rosot nilai separa yang dibuat ke atas baki hasil jualan Projek Great Mall berjumlah RM197.8 juta, berikutan prosedur penguatkuasaan yang berpanjangan dan menyulitkan bagi penganugerahan timbang tara.</p> <p>Jika dikecualikan rosot nilai separa ini, Kumpulan akan melaporkan untung sebelum cukai kira-kira RM97.5 juta.</p>
13.12.22 (Selasa) 10.00 pagi	KNM Group Berhad (AGM)	<p>Bagi tempoh kewangan 18 bulan berakhir 30 Jun 2022, KNM melaporkan rugi sebelum cukai sebanyak RM844.81 juta bersandarkan pendapatan berjumlah RM1.44 bilion.</p> <p>Kerugian ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pelarasan rosot nilai perakaunan bukan tunai ke atas aset tertentu termasuk muhibah, loji etanol dalam pembinaan di Thailand dan peruntukan ke atas kos projek tambahan selepas penutupan beberapa projek yang tertunggak lama berjumlah RM568.58 juta.</p>
13.12.22 (Selasa) 10.30 pagi	Jaycorp Berhad (AGM)	Untung bersih Jaycorp bagi tahun kewangan 2022 menyusut 24.9% kepada RM21.4 juta daripada RM28.5 juta setahun sebelumnya,

		<p>dengan pendapatan menurun 13.4% kepada RM305.7 juta (tahun kewangan 2021: RM353.0 juta).</p> <p>Prestasi yang lemah ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh perniagaan terasnya iaitu segmen perabot yang mencatatkan penurunan pendapatan sebanyak 14.9% kepada RM154.6 juta dan penurunan untung operasi sebanyak 14.8% kepada RM25.3 juta pada tahun kewangan 2022.</p>
14.12.22 (Rabu) 10.00 pagi	Uzma Berhad (AGM)	<p>Uzma Berhad mencatatkan penyusutan pendapatan sebanyak RM11.1 juta atau 3% kepada RM377.9 juta pada tahun kewangan 2022, daripada RM389.0 juta pada tahun sebelumnya. Pendapatan yang dicatatkan bagi tahun kewangan 2022 masih di bawah paras prapandemik.</p> <p>Sebahagian besar pendapatan dijana daripada segmen Perkhidmatan Minyak dan Gas (<i>Oil and Gas, O&G</i>) Huluian berjumlah RM350.5 juta, manakala segmen Tenaga Baharu menunjukkan pertumbuhan yang ketara dengan sumbangan pendapatan berjumlah RM27.0 juta daripada unit perniagaan solar.</p>
14.12.22 (Rabu) 10.00 pagi	EcoFirst Consolidated Bhd (EGM)	<p>Syarikat bercadang untuk mengambil alih baki 49% kepentingan ekuiti dalam BCM Holdings Sdn Bhd (BCM), yang tidak dimiliki oleh EcoFirst dengan pertimbangan tunai sebanyak RM78.4 juta.</p>
15.12.22 (Khamis) 09.30 pagi	Kim Teck Cheong Consolidated Berhad (AGM)	<p>KTC mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 5.5% kepada RM705.84 juta pada tahun kewangan 2022. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan dalam perniagaan terasnya iaitu pengedaran segmen barangan pakej pengguna (<i>consumer packaged products, CPG</i>) yang menyumbangkan 97.9% daripada jumlah pendapatan Kumpulan bagi tahun kewangan 2022.</p>

		<p>Sementara itu, untung sebelum cukai melonjak 115% kepada RM29.5 juta, sejajar dengan peningkatan dalam pendapatan ditambah dengan perbelanjaan dan kos kewangan yang lebih rendah berikutan langkah kawalan kos yang berkesan dan pengurusan aliran tunai yang lebih baik.</p>
15.12.22 (Khamis) 10.00 pagi	Berjaya Corporation Berhad (AGM)	<p>Jumlah pendapatan Kumpulan meningkat 9% kepada RM8.16 bilion (tahun kewangan 2021: RM7.46 bilion).</p> <p>Untung sebelum cukai berjumlah RM230.57 juta berbanding rugi sebelum cukai sebanyak RM260.39 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Peningkatan prestasi ini berpunca daripada pemulihan segmen perniagaan Runcit dan Hospitaliti.</p> <p>Melangkah ke hadapan, Kumpulan menjangkakan untuk mendapat manfaat daripada momentum positif pemulihan aktiviti ekonomi.</p>
15.12.22 (Khamis) 10.00 pagi	P.A. Resources Berhad (AGM)	<p>PA Resources merekodkan prestasi kewangan terbaiknya pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Pendapatannya melonjak 47% kepada RM411.3 juta, manakala untung bersih meningkat 38% kepada RM43.5 juta.</p> <p>Pertumbuhan dalam untung bersih sebahagian besarnya disumbangkan oleh pendapatan yang lebih tinggi, skala ekonomi yang lebih baik, keuntungan daripada pertukaran matawang asing dan langkah penjimatan kos.</p> <p>Kumpulan mencapai pulangan ekuiti yang lebih tinggi sebanyak 22% pada tahun kewangan 2022 berbanding 21.2% pada tahun kewangan 2021.</p>
15.12.22 (Khamis) 10.30 pagi	CME Group Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2022, CME mencatatkan pendapatan RM15.95 juta berbanding RM4.15 juta pada</p>

		<p>tahun lepas. Walaupun pendapatan meningkat, ia mencatatkan rugi bersih berjumlah RM5.15 juta.</p> <p>Juruaudit luar CME iaitu Tetuan Kreston John & Gan, masih mengetengahkan kewujudan ketidakpastian material yang mungkin menimbulkan keraguan yang ketara berhubung keupayaan CME untuk meneruskan sebagai sebuah usaha berterusan.</p> <p>Untuk makluman, ini juga merupakan pernyataan keenam daripada "Ketidakpastian Ketara Berhubung Usaha Berterusan" yang dikemukakan oleh juruaudit luar CME sejak tahun kewangan 2016.</p>
15.12.22 (Khamis) 11.00 pagi	Tomypak Holdings Berhad (AGM)	<p>Selepas kejadian kebakaran meranapkan kilang pembuatannya di Senai, Tomypak berada dalam mod pemulihan untuk memulihkan operasi pengilangannya di kilang Tampoi.</p> <p>Bagi tempoh kewangan 18 bulan berakhir 30 Jun 2022, ia mengalami rugi bersih sebanyak RM99.86 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh hapus kira aset bernilai RM180 juta yang musnah dalam kejadian kebakaran itu.</p> <p>Selain itu, juruauditnya telah menekankan penggunaan asas usaha berterusan dalam penyediaan penyata kewangan. Ekuiti pemegang sahamnya merosot, mencetuskan kebimbangan bahawa syarikat akan tergelincir kepada status PN17 dalam tempoh terdekat.</p>
16.12.22 (Jumaat) 10.00 pagi	Hiap Teck Venture Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 46% pada tahun kewangan 2022 kepada RM1.58 bilion (tahun kewangan 2021: RM1.08 bilion). Walaupun berdepan persekitaran ekonomi dan operasi yang mencabar, Kumpulan mencatatkan untung bersih sebanyak RM156.01 juta, iaitu penyusutan kecil sebanyak 4.5% berbanding rekod keuntungan</p>

		<p>tertinggi sebanyak RM163.43 juta yang dicapai pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Entiti usaha sama Kumpulan iaitu Eastern Steel Sdn Bhd. (ESSB) menyumbangkan RM52.70 juta (tahun kewangan 2021: RM76.01 juta) kepada keuntungan Kumpulan.</p>
--	--	---

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara / Isu penting untuk diketengahkan
Borneo Oil Berhad (AGM)	<p>Pada Mei 2022, Borneo Oil mengumumkan bahawa anak syarikat milik penuhnya, Borneo Oil & Gas Corporation Sdn Bhd telah menyelesaikan kerja-kerja mencari gali sementara di Zon D dan H (secara kolektif meliputi kawasan seluas 14.29 hektar) di lombong emas Bukit Ibam. Kawasan perlombongan merangkumi dua lesen perlombongan yang terdiri daripada 187 hektar (462.08 ekar) dan 175.04 hektar (432.53 ekar).</p> <p>Laporan interim mengenai kerja-kerja mencari gali yang dijalankan di Zon D dan H menunjukkan bahawa potensi keseluruhan daripada gabungan kawasan ini dianggarkan sebanyak 400,000 tan bijih yang mengandungi kira-kira 200kg emas dengan gred purata antara 0.3 dan 0.5 g/t Au.</p> <p>Sejauh manakah perkembangan Syarikat daripada menyelesaikan kerja-kerja penerokaan emas di lapan zon (Zon A hingga H) dan meneruskan ke peringkat pengekstrakan?</p>
KPJ Healthcare Berhad (EGM)	<p>Pendapatan KPJ pada tahun kewangan 2021 sepatutnya meningkat sebanyak RM1.17 juta iaitu daripada RM51.03 juta kepada anggaran RM52.20 juta, dengan mengandaikan cadangan penjualan dan pajakan balik telah dimuktamadkan pada awal tahun kewangan 2021 (seperti yang dinyatakan di muka surat 17 Pekeliling). Peningkatan itu, bagaimanapun, termasuk item tidak berulang iaitu keuntungan daripada jualan hartanah sebanyak RM3.82 juta dan perbelanjaan yang dianggarkan berkaitan cadangan yang dimaksudkan sebanyak RM2.10 juta.</p> <p>Jika dikecualikan keuntungan dan perbelanjaan sekali sahaja ini, cadangan tersebut nampaknya memberi kesan negatif ke atas pendapatan teras KPJ dalam jangka panjang. Sila kongsi pendapat anda tentang perkara ini.</p>
Berjaya Land Berhad (AGM)	<p>Kumpulan melaporkan rugi sebelum cukai yang lebih tinggi sebanyak RM100.3 juta pada tahun kewangan dalam tinjauan berbanding rugi sebelum cukai sebanyak RM42.23 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelumnya. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peruntukan rosot nilai separa ke atas baki hasil jualan Projek Great Mall berjumlah RM197.8 juta, berikutan prosedur penguatkuasaan yang</p>

	<p>berpanjangan dan menyulitkan untuk penganugerahan timbang tara. (halaman 11, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Apakah kebarangkalian berlakunya pertambahan peruntukan rosot nilai? Apakah kemungkinan untuk memulihkan rosot nilai yang sedia ada?</p>
KNM Group Berhad (AGM)	<p>Profil kematangan liabiliti kewangan Kumpulan menunjukkan amaun dibawa berjumlah RM1,704 juta, yang mana RM1,565 juta daripada liabiliti kewangan ini perlu dibayar dalam tempoh kurang setahun. (halaman 155-156, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Sila jelaskan sebab-sebab penumpuan yang tinggi liabiliti kewangan Kumpulan dalam jangka pendek (perlu dibayar kurang dari setahun).</p> <p>b) Apakah perancangan Kumpulan untuk memenuhi obligasi kewangan ini terutamanya bon Thai sebanyak RM365 juta dan pinjaman berjangka tidak bercagar dalam denominasi EUR berjumlah RM454 juta?</p>
Jaycorp Berhad (AGM)	<p>Segmen perabot kekal sebagai perniagaan teras Kumpulan. Peningkatan kos pengeluaran (terutamanya bahan mentah dan kos buruh) serta pesanan yang lembap daripada pelanggan yang dihadapi oleh Kumpulan boleh menjejaskan prestasi kewangan segmen ini (halaman 20, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Pada pandangan anda, apakah faktor utama yang menyebabkan industri perabot mengalami permintaan yang lembap? Berdasarkan tinjauan dalam industri ini, berapa banyakkah penurunan pesanan (dalam segi peratus) yang anda jangkakan pada tahun kewangan 2023?</p> <p>b) Adakah Kumpulan pernah mengalami kitaran menurun dalam industri seperti yang berlaku sekarang? Jika pernah, apakah perbezaan antara cabaran dalam kitaran kali ini berbanding cabaran pada masa lalu? Bilakah anda menjangkakan untuk melihat pemulihan dalam permintaan?</p> <p>c) Apakah jangkakan anda untuk margin keuntungan pada tahun kewangan 2023? Adakah kos input utama syarikat terus meningkat atau adakah ia menyederhana?</p>
Uzma Berhad (AGM)	<p>1. Termasuk dalam penghutang lain Kumpulan ialah amaun berjumlah RM4,682,000 (2021: RM4,682,000) yang mewakili bahan yang dibeli terlebih dahulu untuk pelanggan. Perkhidmatan pemasangan masih belum dilaksanakan pada akhir tempoh pelaporan. (Halaman 217, Laporan Tahunan)</p>

	<p>a) Mengapakah bahan-bahan yang bernilai RM4.68 juta itu dibeli terlebih dahulu sebelum kontrak dimulakan?</p> <p>b) Mengapakah projek itu tertangguh selama dua tahun?</p> <p>c) Apakah sifat projek tersebut dan berapakah nilai kontraknya?</p> <p>d) Adakah Syarikat boleh menuntut sebarang pampasan jika kontrak itu akhirnya ditamatkan? Jika ya, berapakah jumlah pampasan yang dimaksudkan?</p> <p>e) Bilakah projek itu dijangka bermula?</p> <p>2. Kumpulan telah menurunkan nilai inventori berjumlah RM2.2 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM0.12 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 164, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah faktor yang menyebabkan peningkatan dalam penurunan nilai inventori?</p> <p>b) Sila nyatakan jenis inventori dan jumlah yang dikurangkan nilainya pada tahun kewangan 2022.</p>
EcoFirst Consolidated Bhd (EGM)	<p>Ecofirst Horizon Sdn Bhd (EHSB) adalah pemegang kepentingan efektif bank tanah seluas 1.6 ekar yang mana EcoFirst sedang dalam proses untuk melupuskan kesemua 51.0% kepentingan ekuitinya dalam EHSB seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 12(ii) Bahagian A Pekeliling ini. (Halaman 11, Pekeliling)</p> <p>a) Mengapakah Kumpulan menjual tanah seluas 1.6 ekar itu?</p> <p>b) Dimanakah lokasi tanah tersebut?</p> <p>c) Berapakah harga jualan tanah tersebut?</p> <p>d) Bagaimanakah pengiraan harga jualan tanah itu?</p> <p>e) Adakah tanah itu sudah dibangunkan? Jika sudah, apakah peringkat pembangunannya?</p> <p>f) Apakah kesan kewangan daripada pelupusan EHSB kepada Kumpulan?</p>
Kim Teck Cheong Consolidated Berhad (AGM)	<p>Kumpulan optimis terhadap perniagaan pengedaran dan menjangkakan prestasinya memuaskan pada tahun akan datang. Selain itu, Kumpulan akan mengembangkan perniagaan pengilangan bakeri di bawah jenama Gardenia dengan meneroka ke Indonesia. (halaman 12, Laporan Tahunan 2022)</p>

	<p>a) Apakah sasaran pertumbuhan pendapatan daripada perniagaan pengedaran pada tahun kewangan 2023?</p> <p>b) Berapakah perbelanjaan modal yang dibajetkan bagi tahun kewangan 2023? Berapakah jumlah yang dibajetkan untuk perniagaan pengedaran dan berapakah jumlah untuk pengilangan produk bakeri?</p> <p>c) Apakah status terkini PT Gardenia Bakeries Indonesia? Berapakah anggaran perbelanjaan modal dan kapasiti pengeluaran untuk kilang baharu di Indonesia? Bilakah ia dijangka memulakan operasi?</p>
<p>Berjaya Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Daripada 17 Matlamat Pembangunan Mampan (<i>Sustainable Development Goals, SDG</i>), Kumpulan Kerja Kelestarian (<i>Sustainability Working Group, SWG</i>) pada mulanya mengenal pasti 10 SDG yang dianggap relevan dengan perniagaan BCorp. Selepas penilaian lanjut, SWG mencadangkan supaya BCorp mengutamakan 5 SDG dengan 13 sasaran dan penunjuk. Satu daripada 5 SDG itu ialah "Memastikan corak pengeluaran dan penggunaan yang mampan" dengan 4 sasaran dan penunjuk. (halaman 32, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Apakah sasaran, penunjuk dan garis masa yang dimaksudkan? Apakah yang telah dicapai setakat ini?</p>
<p>P.A. Resources Berhad (AGM)</p>	<p>Pada Mac 2022, pelanggan utama Kumpulan, First Solar, melanjutkan Perjanjian Pembekalan sedia ada dengan PAE dari 1 Julai 2023 kepada 1 Julai 2024. Anggaran nilai kontrak ini ialah RM550 juta. (halaman 9, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Apakah produk yang dibekalkan oleh PAE kepada First Solar? Adakah PAE pembekal tunggal produk ini kepada First Solar?</p> <p>b) First Solar menyumbangkan 84% daripada pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2022. Bagaimanakah Kumpulan mengurus risiko tumpuan pelanggan yang tinggi?</p> <p>c) Berapa lamakah masa yang diambil untuk memindahkan kos yang lebih tinggi/ rendah kepada First Solar?</p> <p>d) Apakah kelebihan daya saing syarikat berbanding pesaing yang membolehkan syarikat mendapatkan kontrak daripada First Solar?</p>
<p>CME Group Berhad (AGM)</p>	<p>Juruaudit luar CME iaitu Tetuan Kreston John & Gan, masih mengetengahkan kewujudan ketidakpastian material yang mungkin menimbulkan keraguan yang ketara berhubung keupayaan CME untuk meneruskan sebagai sebuah usaha berterusan.</p> <p>Ringkasan prestasi kewangan CME adalah seperti berikut:</p>

	<ul style="list-style-type: none"> - Dari awal tahun kewangan hingga 30 Jun 2022, Kumpulan dan Syarikat mempunyai kerugian terkumpul masing-masing berjumlah RM72 juta dan RM73.95 juta. - Bagi tahun kewangan 2022, Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM15.95 juta berbanding RM4.15 juta pada tahun kewangan lepas. Walaupun pendapatan meningkat, Kumpulan mencatatkan rugi bersih berjumlah RM5.15 juta. - Liabiliti semasa Kumpulan dan Syarikat melebihi aset semasa masing-masing sebanyak RM19.7 juta dan RM41.22 juta (halaman 44, Laporan Juruaudit Bebas, Laporan Tahunan 2022). <p>Untuk makluman, ini juga merupakan pernyataan keenam daripada “Ketidakpastian Ketara Berhubung Usaha Berterusan” (<i>Material Uncertainty Related to Going Concern, MUGC</i>) yang dikemukakan oleh juruaudit luar CME sejak tahun kewangan 2016.</p> <p>Memandangkan MUGC masih diketengahkan oleh juruaudit dan kerugian terkumpul semakin meningkat, perlukah Syarikat mengubah strategi atau mengambil pendekatan hala tuju perniagaan yang berbeza bagi mengubah prestasinya?</p> <p>Adakah Lembaga Pengarah akan mempertimbangkan untuk mendapatkan khidmat pengarah atau eksekutif kanan yang lebih berkelayakan dan berpengalaman bagi memulihkan Syarikat?</p>
Tomypak Holdings Berhad (AGM)	<p>Tomypak merekodkan rugi bersih berjumlah RM99.86 juta bagi tempoh kewangan 18 bulan berakhir pada 30 Jun 2022 terutamanya disebabkan oleh aset yang dihapus kira (hartanah, loji dan peralatan serta inventori) bernilai RM180 juta yang musnah dalam kejadian kebakaran di kilang Senai.</p> <p>Ini merupakan tahun keempat berturut-turut yang menyaksikan Tomypak mencatatkan kerugian.</p> <p>Sehingga 30 Jun 2022, jumlah ekuiti pemegang saham Syarikat berjumlah RM87.77 juta berbanding modal saham yang berjumlah RM133.63 juta. Ini mencetuskan kebimbangan Tomypak akan tergelincir kepada status Nota Amalan 17, sekiranya Syarikat berterusan mencatatkan kerugian sementara Syarikat masih belum pulih sepenuhnya daripada kejadian kebakaran itu.</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Sila maklumkan pemegang saham status keberuntungan Tomypak dalam tempoh terdekat. b) Bilakah Kumpulan dapat menambah baik prestasi keuntungannya?

Hiap Teck Venture Berhad (AGM)	<p>Walaupun merekodkan pendapatan dan keuntungan tertinggi daripada operasi sejak tahun kewangan 2018, margin untung kasar (<i>gross profit margin</i>, GPM) Kumpulan berkurangan kepada 11.80% (RM186,761,000/RM1,583,278,000*100) pada tahun kewangan 2022 daripada 15.70% (RM169,898,000/ RM1,081,939,000*100) pada tahun kewangan 2021 (Halaman 73, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Apakah punca kemerosotan margin untung kasar?</p> <p>b) Bagaimanakah Kumpulan dapat meningkatkan margin untung kasar? Apakah prospek margin untung kasar pada tahun kewangan 2023?</p>
--------------------------------	---

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.